

Publication: Berita Harian, p 11

Date: 17 June 2014

Headline: Cupcake versus apam

Kek cawan lawan apam

► **NURMAYA ALIAS**
nurmaya@sph.com.sg

ANAK muda masa kini tentunya lebih mengenal pencuci mulut Barat, kek cawan atau *cupcake*, berbanding kuih tradisional Melayu, *makoke*.

Lantaran itu, dua kuih tersebut telah dijadikan teras pementasan terbaru sekumpulan pelajar berjudul *Makoke? Cupcakes*.

Pementasan bertemakan 'Buatan Singapura' anjuran Persadamu Kelab Budaya dan Bahasa Melayu Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu telah diarah penggiat teater, Saiful Amri Ahmad Elahi.

Menerusi satu perbincangan antara Saiful Amri dengan para penuntut SMU yang terlibat dalam pementasan itu, mereka menimbulkan soal makanan yang boleh dijadikan lambang tradisi Melayu dan pengaruh budaya Barat.

"Trend kek cawan amat popular sekarang. Kami kemudian buat perbandingan dan bercakap tentang kuih Melayu dan timbulnya kuih *makoke* yang ramai pelakon pementasan sendiri tidak tahu," kata Saiful Amri.

Makoke sebenarnya lebih dikenali sebagai apam dalam kalangan masyarakat Melayu.



PEMENTASAN BARU: Anggota Persadamu berlakon dalam pementasan *Makoke? Cupcakes* ialah (atas, dari kiri) Nuhsyafiq Abdul Rahman, Suhaimi Sudar, Khairul Anwar Abdul Karim, (bawah dari kiri) Siti Rahah Mohamed Bahari, Syahirah Osman, Nur Jannah Cheang Muhammad Khairi, Nurul Natasha Mohamed Noor dan Nur Hazura Mohd Faeaz. — Foto KHALID BABA

Pementasan itu memaparkan seorang mak cik, Rokiah, yang menjual makoke dan seorang wanita, Melati, yang menjual kek cawan. Mereka berjualan di sebuah taman makan minum yang dipanggil Tamami milik watak Haji Bakar.

Perniagaan kek cawan itu menjadikan penjualan makoke dan timbul konflik antara kedua penjual. Ini disusuli penjelajahan tentang kepercayaan masyarakat Melayu.

Pengurus penerbitan, Cik Anisah Abdul Gafoor, 20 tahun, penuntut Sekolah Sains Sosial SMU, berkata:

"Kami mahu menunjukkan bahawa generasi muda hari ini agak terasing daripada tradisi dan budaya Melayu. Walaupun itu ini telah banyak dibincangkan, kami cuba memaparkannya dari sudut baru.

"Pementasan ini juga disisipkan dengan beberapa pesanan. Misalnya, mampukah generasi muda menjunjung tradisi Melayu sambil mendukung budaya Barat atau hanya satu budaya akan kekal?"

Bagi memeriahkan persembahan, para pelakon yang merupakan penuntut SMU bakal menyanyikan lagu-lagu band Singapura seperti The Sallys dan Revalina. Lirik lagu popular Pharrell Williams, *Happy*, pula akan diubah suai mengikut tema pementasan.

► 'Makoke? Cupcakes' diadakan Sabtu ini. Waktu: Matinee 2 petang, Gala 8 malam. Tempat: Teater Seni Singapura, Maktab Seni Lasalle. Harga: \$22 (matinee) dan \$24 (gala).